

KENYATAAN MEDIA

23 November 2023

Suruhanjaya Tenaga
(Energy Commission)
No. 12, Jalan Tun Hussein,
Precinct 2,
62100 Putrajaya,
Malaysia.
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

TNB Akan Dipanggil untuk Beri Keterangan Berkenaan Kes Kemalangan Elektrik di Bayan Lepas, Pulau Pinang

Putrajaya, 23 November 2023 – Suruhanjaya Tenaga (ST) memandang serius insiden kemalangan renjatan elektrik yang menimpa remaja berumur 12 tahun di bilik Pencawang Elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Sri Bayu, Bayan Lepas, Pulau Pinang pada 16 November 2023 yang lepas. ST amat bersimpati dan mengharapkan kesembuhan sepenuhnya kepada mangsa.

Berikutan insiden ini, pihak TNB akan dipanggil untuk memberikan keterangan berhubung kes ini bagi tujuan ST menjalankan siasatan lanjut untuk mengenal pasti punca sebenar kejadian. Sekiranya didapati berlaku sebarang kecuaiian atau kesalahan oleh mana-mana pihak yang berkenaan, tindakan undang-undang akan diambil di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447] dan Peraturan-Peraturan Elektrik 1994.

Orang ramai juga diminta untuk melaporkan segera kepada pihak TNB menerusi panggilan telefon ke 15454 atau SESB di talian 088-515000 sekiranya menemui sebarang kejanggalan atau keadaan bahaya pada pemasangan elektrik pihak utiliti.

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ST memandang berat insiden keselamatan elektrik terutamanya yang melibatkan keselamatan orang awam.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan atau aduan mengenai perkara ini, sila hubungi ST melalui talian 03-8870 8800 atau emel ke eaduan@st.gov.my. Layari juga laman web ST di www.st.gov.my untuk tip-tip keselamatan elektrik.

*****TAMAT*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar

Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana) / 011-28866271 (Hazwani) / 018-3822545 (Harith)

Emel: veliana@st.gov.my / noorhazwani@st.gov.my / harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.